



Siaran Media
Untuk Siaran Segera

Tokio Marine Life Malaysia melancarkan Kempen JomVaccine yang berevolusi bagi menggalakkan vaksinasi untuk semua anak-anak Malaysia!

Kuala Lumpur: Mereka berjaya lagi! Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (Tokio Marine Life) telah melancarkan **Kempen JomVaccine** untuk semua **anak-anak Malaysia**. Menariknya, kempen ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia, termasuk yang bukan pelanggannya.

Dengan kenaikan kes COVID-19 baru-baru ini, tidak menghairankan bahawa vaksinasi semakin mendesak dan sangat penting ketika ini. Oleh itu, sempena pelancaran Kempen JomVaccine, Tokio Marine Life ingin menggalakkan semua rakyat Malaysia untuk kekal selamat sambil mendapatkan vaksin mereka. Apakah sebenarnya Kempen JomVaccine? Kempen JomVaccine menawarkan perlindungan PERCUMA untuk rakyat Malaysia yang mengalami kesan sampingan akibat daripada vaksinasi COVID-19 yang diterima.

Bagi bukan pelanggan Tokio Marine Life pula, Tokio Marine Life akan membayar pendapatan harian sebanyak RM120 (sehingga 5 hari) jika seseorang itu dimasukkan ke hospital dan RM5,000 sekiranya orang itu meninggal dunia kerana kesan sampingan vaksin COVID-19. Rakyat Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun boleh mendaftar untuk Kempen JomVaccine ini secara PERCUMA. Perlindungan percuma ini ditawarkan sehingga 31 Disember 2021 atau apabila jumlah RM500,000 telah dihauskan, bergantung kepada yang mana yang lebih awal.

Begitu juga, faedah yang ditawarkan kepada **pelanggan Tokio Marine Life** yang aktif adalah lebih daripada dua kali ganda. Seorang pelanggan layak menerima pendapatan harian sebanyak RM240 (sehingga 7 hari) sekiranya dimasukkan ke hospital dan RM12,000 faedah kematian disebabkan kesan sampingan vaksinasi COVID-19. Perlindungan percuma ini ditawarkan sehingga 31 Disember 2021 atau apabila jumlah RM500,000 telah dihauskan, ,



Kempen JomVaccine adalah inisiatif tambahan khas di bawah Dana Bantuan Perubatan Tokio Marine COVID-19 bernilai RM5 juta yang dilancarkan pada awal tahun 2021 untuk meringankan beban pelanggan. Sekiranya pelanggan pelan perubatan yang layak dimasukkan ke hospital swasta sebagai pesakit COVID-19 Kategori 3, 4 dan 5, dana ini akan membayar balik perbelanjaan perubatan masing-masing berjumlah sehingga RM5,000, RM10,000 dan RM20,000. Sebagai tambahan, jika pelanggan pelan perubatan yang memenuhi syarat dimasukkan ke mana-mana hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang disebabkan oleh kesan sampingan akibat vaksinasi COVID-19, dana ini akan membayar balik perbelanjaan perubatan yang dikeluarkan sehingga RM5,000.



"Di Tokio Marine Life, kami 'Look Beyond Profit' dan bertindak dengan penuh integriti bagi kepentingan pelanggan, rakan perniagaan dan masyarakat kami. Kami dengan senang hati memberikan sokongan kepada semua anak-anak Malaysia untuk melalui kesulitan ini bersama-sama. Sebagai rakyat Malaysia, adalah tugas kita untuk saling menjaga satu sama lain. Oleh itu, sebagai syarikat yang bertanggungjawab, kami sangat berbesar hati untuk memberikan sokongan kepada semua pelanggan kami dan semua anak-anak Malaysia dengan melancarkan Kempen JomVaccine ini. Kami juga menggalakkan semua rakyat Malaysia untuk bekerjasama bagi mengatasi pandemik COVID-19. Bersama-sama, kita boleh melintasi sebarang kesulitan!" kata Encik Toi See Jong, Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Daftar untuk JomVaccine dan dapatkan perlindungan PERCUMA sebelum pendaftaran ditutup pada 31 Julai 2021. Jangan lupa untuk menggalak keluarga dan rakan anda untuk mendaftar juga!

Imbas di sini untuk mendaftar sekarang



Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Kempen JomVaccine , sila rujuk:
<https://www.tokiomarine.com/my/en/personal/learn/articles/TokioMarineLifeJomVaccineCampaign.html>.

**mengikut Terma & Syarat*

*** Tamat ***

Mengenai Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd ("Tokio Marine Life") telah berada selama 70 tahun di Malaysia dan mempunyai kekuatan kewangan dengan jumlah aset sebanyak RM9.1 bilion **. Hari ini, Tokio Marine Life adalah ahli Tokio Marine Group di Jepun dengan lebih daripada 38,000 pekerja, 46,000 ejen dan beroperasi di 483 bandar di 38 negara di seluruh dunia. Syarikat utama Tokio Marine Group, Tokio Marine & Nichido Fire mempunyai kekuatan kewangan yang bernilai lebih daripada USD208.5 bilion dan mempunyai penarafan kredit A+ oleh Standard & Poor's Aa3 oleh Moody's dan A++ (Stable) oleh A.M. Best.

*Tertakluk kepada terma dan syarat

**Sehingga 31 Disember 2019

Setakat 11 Julai 2019

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Corporate Communications Department
Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
communications@tokiomarinelife.com.my